



WBS
WANITA BERDAYA SELANGOR

Wanita Berdaya Selangor
Jawatankuasa Tetap
Pemberdayaan Wanita
dan Keluarga



2025

LAPORAN SIWANIS

SIDANG WANITA SELANGOR 2025

Ke Arah Mencapai 50 Peratus Perwakilan Wanita
#SIWANIS50

Rakan Sokongan



VISI

Peneraju pemberdayaan wanita
terkemuka Asia.

MISI

Mengungguli usaha pemberdayaan
wanita dalam sektor kepimpinan, ekonomi & sosial.



WANITA BERDAYA SELANGOR

3 TERAS
STRATEGIK

*Pembangunan Dasar & Polisi
Pembinaan Kepimpinan
Pemberdayaan Wanita*

ISI KANDUNGAN



- [PRA KATA] YANG BERHORMAT EXCO PEMBANGUNAN WANITA DAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
- [KATA ALUAN] KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF WANITA BERDAYA SELANGOR

- LATAR BELAKANG SIDANG WANITA SELANGOR (SIWANIS)
- OBJEKTIF SIDANG WANITA SELANGOR (SIWANIS)
- FOKUS ISU SIDANG WANITA SELANGOR (SIWANIS)
- GARIS MASA PELAKSANAAN
- SESI TEMUDUGA
- MAJLIS PELANCARAN & BENGKEL SIRI 1
- SESI PENCERAMAH
- 56 PERWAKILAN SIDANG WANITA SELANGOR (SIWANIS)
- KEMPEN PENGUNDIAN CALON
- SESI MENTOR MENTEE
- BENGKEL SIRI 2
- SESI DEBAT
- BENGKEL SIRI 3
- KEMUNCAK SIDANG WANITA SELANGOR (SIWANIS)
- JAWATANKUASA PELAKSANA

YANG BERHORMAT PUAN ANFAAL BIN SAARI



PRA KATA

EXCO PEMBANGUNAN WANITA DAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT kerana dengan limpah rahmat-Nya,

Sidang Wanita Selangor (SIWANIS) dapat diteruskan pada tahun 2025 dengan jayanya. SIWANIS merupakan antara usaha strategik Kerajaan Negeri Selangor melalui Wanita Berdaya Selangor (WBS) dalam memperkasakan kepimpinan wanita di negeri ini.

Penganjuran SIWANIS 2025 bukan sekadar satu program simulasi, tetapi merupakan wadah pembelajaran yang memberi ruang kepada para peserta – terdiri daripada wakil wanita dari seluruh negara khususnya Negeri Selangor – untuk memahami proses penggubalan dasar, teknik perbincangan, dan tatacara sidang Dewan Negeri secara lebih mendalam. Pendekatan ini melatih wanita untuk berfikir secara kritis, berani bersuara serta mampu mengemukakan hujah dan cadangan yang membina, selari dengan semangat demokrasi dan kebertanggungjawaban sosial.

Tahun ini, SIWANIS memberi tumpuan kepada sembilan fokus isu utama yang mencerminkan cabaran sebenar yang dihadapi wanita dan masyarakat masa kini. Melalui perbincangan terhadap sembilan fokus ini, SIWANIS membuka ruang yang luas bagi para peserta untuk meneliti dasar, mengenal pasti jurang pelaksanaan dan mencadangkan penyelesaian yang realistik serta berpaksikan pengalaman masyarakat setempat. Inisiatif ini menjadi simbol komitmen Kerajaan Negeri dalam memperkukuh ekosistem kepimpinan wanita Selangor – dari peringkat akar umbi hingga ke peringkat pembuat dasar.

Saya amat berbangga dengan keupayaan para peserta SIWANIS 2025 yang telah menunjukkan keberanian, kejelasan pemikiran dan kematangan dalam menyuarakan pandangan mereka. Idea serta hujah yang dikemukakan membuktikan bahawa wanita bukan sekadar pelengkap kepada pembangunan negeri, tetapi merupakan pemangkin utama dalam merencana masa depan Selangor yang lebih seimbang dan mampan.



Jawatankuasa Tetap
Pemberdayaan Wanita
dan Keluarga

PRA KATA

EXCO PEMBANGUNAN WANITA DAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

Sesungguhnya, SIWANIS bukan sahaja mencerminkan aspirasi kepimpinan wanita, tetapi turut menzahirkan matlamat Selangor untuk menjadi negeri contoh dalam memperkasa dasar gender seimbang. Saya yakin bahawa hasil perbincangan, usul dan rumusan daripada sidang ini akan menjadi panduan penting kepada pelbagai pihak, khususnya dalam memperkukuh pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Selangor serta agenda Selangor Sejahtera untuk Semua.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah menjayakan penganjuran SIWANIS 2025 – terutamanya Sekretariat Wanita Berdaya Selangor (WBS), rakan strategik, para fasilitator, mentor, tenaga pembimbing, serta semua peserta yang telah memberikan komitmen tinggi dan terus menyokong agenda pembangunan wanita di negeri ini.

Semoga Sidang Wanita Selangor terus menjadi medan inspirasi untuk melahirkan lebih ramai wanita berdaya saing, berwawasan dan berjiwa kepimpinan, seiring dengan visi negeri untuk membina Selangor yang makmur, inklusif dan berdaya tahan.

Sekian, terima kasih.

**PUAN SITI FARIDAH
BINTI ABDUL SAMAD**



WBS
WANITA BERDAYA SELANGOR

KATA ALUAN

**KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF
WANITA BERDAYA
SELANGOR**

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera,
Salam Malaysia Madani, Salam Kita Selangor
dan Salam Wanita Berdaya.

Segala puji dan syukur saya panjatkan ke hadirat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya, Sidang Wanita Selangor (SIWANIS) bagi tahun 2025 telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya. Sebagai agensi pelaksana yang dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Negeri Selangor, Wanita Berdaya Selangor amat berbesar hati kerana dapat meneruskan amanah ini buat tahun ketiga berturut-turut.

Setinggi-tinggi penghargaan saya rakamkan kepada Kerajaan Negeri Selangor khususnya YB Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita dan Keluarga atas kepercayaan yang diberikan. Penghargaan tulus juga saya tujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan SIWANIS 2025, termasuk Pejabat Tuan Speaker Dewan Negeri Selangor, Pejabat Dewan Negeri Selangor, serta rakan kolaborasi strategik yang telah memberi sokongan padu sejak awal.

Tahun ini, SIWANIS 2025 diteruskan dengan lebih kukuh berpandukan Matlamat Ke-4 Dasar Wanita Selangor serta Pelan Tindakan 2024–2026, iaitu “Mempercepatkan Kepimpinan Wanita”. Melalui pendekatan #SIWANIS50, kami terus mengangkat agenda penyertaan 50 peratus wanita dalam pembuat dasar, sebagai satu keperluan dan bukan sekadar aspirasi. Seramai 56 peserta mewakili setiap DUN di Selangor telah menunjukkan kesungguhan luar biasa, membincangkan isu-isu semasa negeri dan nasional melalui simulasi Sidang Dewan Negeri Selangor, sekali gus memperkukuh keupayaan mereka sebagai pemimpin masa hadapan.

KATA ALUAN

**KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF
WANITA BERDAYA
SELANGOR**

Seiring dengan tiga tonggak utama penubuhan WBS –

(i) Pembangunan Dasar & Polisi, (ii) Pemberdayaan Wanita, dan (iii) Pembinaan Kepimpinan – para peserta SIWANIS 2025 telah membuktikan bahawa mereka bersedia melangkah ke hadapan sebagai agen perubahan yang berdaya tahan dan progresif.

Akhir kata, saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua peserta SIWANIS 2025. Teruskan perjuangan dalam mengangkat suara wanita dan memperjuangkan keadilan sosial di mana sahaja anda berada. Penghargaan istimewa buat seluruh jawatankuasa pelaksana, fasilitator, pelatih, mentor serta seluruh warga kerja WBS yang sentiasa komited menjulang agenda pemberdayaan wanita di negeri Selangor.

Semoga segala usaha ini sentiasa berada di bawah lindungan dan keberkatan Allah S.W.T.

LATAR BELAKANG

#SIWANIS50

Pada tahun **2023**, Sidang Wanita Negeri Selangor (SIWANIS) yang pertama telah dilaksanakan di peringkat Negeri Selangor. Program yang julung kali diadakan di Selangor membahaskan 2 usul iaitu **Akses Pendidikan Kepada Anak-Anak Tanpa Kewarganegaraan** dan usul **Minimum 30 Peratus Kuota Wanita di Semua Peringkat Pembuatan Keputusan**.

Bertitik tolak Matlamat ke-4 Dasar Wanita Selangor iaitu "Mempercepatkan Kepimpinan Wanita", SIWANIS **2024** diteruskan bagi tahun kedua dengan mengangkat usul **Mengurangkan Kos Sara Hidup Golongan Rentan di Selangor Melalui Bantuan Kewangan Khusus Pengangkutan** serta usul **Meletakkan Minima 50 Peratus Perwakilan Wanita Dalam Kepimpinan Politik di Negeri Selangor**.

Menggunakan format dan simulasi Sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), platform ini dapat mencungkil dan mengasah bakat pemimpin wanita supaya mereka sedia melangkah ke peringkat yang lebih tinggi.

Justeru, pada tahun **2025** bakal menyaksikan pelaksanaan Sidang Wanita Negeri Selangor (SIWANIS), Kohort 3 dengan membawa matlamat yang sama iaitu **Ke Arah Mencapai 50 Peratus Perwakilan Wanita di Peringkat DUN Selangor**. Keterujaan bagi pelaksanaan SIWANIS 2025 juga adalah apabila peserta dari luar Negeri Selangor turut diberikan peluang untuk menyertai SIWANIS.





OBJEKTIF

- Menyediakan platform untuk mencungkil bakat pemimpin wanita bagi menguasai isu dan dasar serta tadbir urus yang baik (good governance) ke arah kesaksamaan gender.

Berkongsi pemahaman dan pembangunan kapasiti kepimpinan ke arah minima 50 peratus kuota perwakilan wanita sebagai pembuat keputusan. ◀

- Meningkatkan keupayaan dan jaringan kepimpinan di kalangan wanita di negeri Selangor.

Persediaan sebagai pemimpin wanita di pelbagai peringkat untuk sama-sama terlibat dalam pembentukan dasar dan polisi Pentadbiran Kerajaan mahupun dalam parti politik. ◀

- Memberikan ruang dan latihan sebagai wakil rakyat di peringkat Ahli Dewan Negeri (ADN) mahupun Parlimen.

9

FOKUS ISU

SIDANG WANITA SELANGOR 2025

Pemeriksaan
Wanita
& Keterangkuman
Sosial

Demokrasi
& Reformasi
Institusi

Pendidikan
& TVET

Pertanian
& Keterjaminan
Makanan

Tenaga Kerja
& Produktiviti

Pembangunan
Infrastruktur,
Alam Sekitar
& Perubahan
Iklim

Kesihatan Awam
& Ekonomi
Penjagaan

Hasil Negeri
& Pelaburan

Teknologi
& Kecerdasan
Buatan

Garis Masa Pelaksanaan



SESI TEMUDUGA

APRIL - MEI 2025



The image shows a screenshot of a Zoom meeting interface. At the top, there is a toolbar with icons for 'Pause', 'Annotate', 'Slide control', 'Show meeting', and 'More'. Below the toolbar, there is a red button labeled 'Stop share'. The main content area features a large yellow circle containing the text '9 MINIT' in bold yellow letters. Below this, the text 'Sesi temuduga dan soal jawab' is displayed in a large, dark red font. On the right side, there is a vertical stack of four video thumbnails. The top thumbnail shows a woman with glasses and a black top, labeled 'HIDAYAH WBS'. The second thumbnail shows a woman with glasses and a black top, labeled 'Shangkaree'. The third thumbnail shows a woman wearing a pink hijab and a black top, labeled 'Masturah Abu Bakar'. The bottom thumbnail shows a woman with long brown hair, labeled 'Mahija'. The background of the meeting interface is white with a pattern of small grey dots. There are also decorative elements: a yellow circle at the bottom right and a yellow and purple curved shape at the bottom right corner.

Sesi temuduga bagi Sidang Wanita Negeri Selangor (SIWANIS) telah dilaksanakan secara dalam talian, melibatkan penyertaan calon dari seluruh negeri Selangor.

Pelaksanaan secara atas talian ini membolehkan proses temuduga berjalan dengan lebih lancar dan efisien, di samping memberi peluang yang sama rata kepada semua calon tanpa mengira lokasi.

MAJLIS PELANCARAN

APRIL - MEI 2025

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat, dan Ekonomi Penjagaan telah melancarkan Sidang Wanita Selangor (SIWANIS) 2025 bagi kohort ketiga dengan tema “Ke Arah Mencapai 50 Peratus Perwakilan Wanita”. Seramai 74 wanita muda telah terpilih untuk menyertai program ini yang memberi pendedahan mengenai proses pembuatan dasar berasaskan gender, protokol Dewan Negeri, serta undang-undang berkaitan. Peserta turut berpeluang mengikuti latihan debat, lawatan lapangan bersama mentor, syarahan khas dan simulasi persidangan.



& BENGKEL ASAS

SIDANG WANITA SELANGOR

1

Penambahbaikan tahun ini merangkumi peluasan pendekatan mentor-mentee bersama Ahli Dewan Negeri (ADN), peningkatan kualiti tenaga pengajar termasuk penglibatan YB Tan Sri Dato' (Dr.) Johari Abdul, serta pembukaan penyertaan kepada wanita dari seluruh negara. SIWANIS juga memberi penekanan kepada 9 fokus isu yang merangkumi bidang utama pembangunan wanita di Selangor. Program ini dianjurkan oleh Wanita Berdaya Selangor (WBS) dengan kerjasama Pejabat Speaker Dewan Negeri Selangor serta sokongan daripada OUM dan EMPOWER. SIWANIS 2025 selari dengan Matlamat 4 Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024–2026 dalam mempercepatkan penyertaan dan perwakilan wanita dalam bidang politik dan kehidupan awam.

DISEBALIK LENSA

SIDANG WANITA SELANGOR 2025



BENGKEL ASAS 1

SLOT PENCERAMAH

14 - 15 JUN 2025

SESI 1: YB TUAN LAU WENG SAN, SPEAKER DEWAN NEGERI SELANGOR

- **PENGENALAN DAN PROSES PEMBUATAN DASAR**

SESI 2: PUAN MASTURA BINTI ABU BAKAR, PEGAWAI PENASIHAT DASAR

- **PEMBUATAN DASAR MELALUI LENSA GENDER**

SESI 3: PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI, PENYELARAS DUN

- **PEMERKASAAN WANITA & KETERANGKUMAN SOSIAL**

SESI 4: PUAN HAJAH MAHURAN SARO SARIKI, TALENTCORP

- **TENAGA KERJA & PRODUKTIVITI**

**SESI 5: YB TUAN DR. MOHAMMAD FAHMI BIN NGAH,
EXCO HAL EHWAL AGAMA ISLAM & PEMBUDAYAAN INOVASI**

- **TEKNOLOGI & KECERDASAN BUATAN (AI)**

SESI 6: DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD

- **KESIHATAN AWAM & EKONOMI PENJAGAAN**

**SESI 7: YB TAN SRI DATO' (DR.) JOHARI BIN ABDUL, YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT
SPEAKER, DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

- **DEMOKRASI & REFORMASI INSTITUSI**

SESI 8: YB TUAN HAJI AZLI BIN YUSUF, AHLI PARLIMEN SHAH ALAM

- **PENDIDIKAN & TVET**

SESI 9: YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING

- **PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, ALAM SEKITAR & PERUBAHAN IKLIM**

SESI 10: YB DATO' IR. IZHAM BIN HASHIM

- **PERTANIAN & KETERJAMINAN MAKANAN**

SESI 11: PUAN SABRINA BINTI ADNAN

- **HASIL NEGERI & PELABURAN**

SIWANIS

SIDANG WANITA SELANGOR 2025
Ke Arah Mencapai 50 Peratus Perwakilan Wanita
#SIWANIS50

PERWAKILAN SIDANG WANITA SELANGOR 2025



**KHAIRUNNISA
BINTI HALIM**
S01 SUNGAI AIR TAWAR



**NOR SAADAH BINTI
MOHAMMAD YUSOF**
S02 SABAK



**SITI DAHLIA
BINTI YAZID**
S03 SUNGAI PANJANG



TOO CHUN YOKE
S04 SEKINCHAN



**JUMALIA
BINTI JOHARI**
S05 HULU BERNAM



**NABILATUL HUSNA
BINTI SHAMSUL MUNIR**
S06 KUALA KUBU BHARU



**NOOR JALINA
BINTI ZAINOL**
S07 BATANG KALI



**NOR AZIZAH
BINTI AHMAD**
S08 SUNGAI BURONG



**AAINAA MARDIAH
BINTI ABDUL RASHID**
S09 PERMATANG



**SHARMILA LAKSMI
A/P MUNIANDY**
S10 BUKIT MELAWATI



**NURSHAHIDA
BINTI MD SALIM**
S11 IJOK



**SITI ROBAINI
BINTI SAMSULDARIS**
S12 JERAM



**SITI NOR ADILAH
BINTI BAHARI**
S13 KUANG



**NORHAFIZA
BINTI MUSTAPA**
S14 RAWANG



**SITI ZAYANAH
BINTI MOHAMMAD YAZED**
S15 TAMAN TEMPLER



**NURUL FAEZAH
BINTI JASNI**
S16 SUNGAI TUA

SIWANIS

SIDANG WANITA SELANGOR 2025
Ke Arah Mencapai 50 Peratus Perwakilan Wanita
#SIWANIS50

PERWAKILAN SIDANG WANITA SELANGOR 2025



**KANAGESVARI
@ KATRRINNA**
S17 GOMBAK SETIA



**ZULIKHA
BINTI ABDUL TALIB**
S18 HULU KELANG



**IR. TS. NORSURIANA FATIHA
BINTI HUSSIN**
S19 BUKIT ANTARABANGSA



**SHAFINAZ AISHAH
BINTI MOHAMAD**
S20 LEMBAH JAYA



**DR. PUVANESWARI
RAMACHANDRAN**
S21 PANDAN INDAH



**SITI MARIAM
BINTI SAMIN**
S22 TERATAI



HARKIRANS KAUR
S23 DUSUN TUA



**NUR ADELIA AMINAH
BINTI IKHWAN JUNAIDI**
S24 SEMENYIH



**NORAISHAH
BINTI ABDUL AZIZ**
S25 KAJANG



**ROZILAWATI
BINTI MOHD TALIB**
S26 SUNGAI RAMAL



TAN SIEW LING
S27 BALAKONG



**NOR FARAH FAZRITA
BINTI JAMALUDIN**
S28 SERI KEMBANGAN



**NOORANISA
BINTI SAID**
S29 SERI SERDANG



**PAVITHRA DEWI
KRISHNA RAO**
S30 KINRARA



**SANDIRANI
A/P GREGORY**
S31 SUBANG JAYA



**NURUL AIN
BINTI ABDUL HALIM**
S32 SERI SETIA

SIWANIS

SIDANG WANITA SELANGOR 2025

Ke Arah Mencapai 50 Peratus Perwakilan Wanita
#SIWANIS50

PERWAKILAN SIDANG WANITA SELANGOR 2025



**SITI AISHAH
BINTI MOHD RAIS**
S33 TAMAN MEDAN



**NOR IZZATY
BINTI RIDZUAN**
S34 BUKIT GASING



**SANTHADEVI
A/P SUBRAMANIAM**
S35 KAMPUNG TUNKU



**NORFAZIDAH
BINTI ABD SAMAD**
S36 BANDAR UTAMA



**ADLINNA
BINTI ABDUL ALIM**
S37 BUKIT LANJAN



**JALWA'IYAS
BINTI YUSOF**
S38 PAYA JARAS



**AFRA YAMEEN
BINTI MD ZAKI**
S39 KOTA DAMANSARA




**NUR AASIMA
BINTI AHMAD**
S40 KOTA ANGGERIK



**SITI SUHAILI
BINTI SULAIMAN**
S41 BATU TIGA



**FAUZIAH
BINTI ISMAIL**
S42 MERU



**SURAYA
BINTI SULAIMAN**
S43 SEMENTA



**NUR NAJEEHA
BINTI MOHD ROSNI**
S44 SELAT KLANG



**TUN 'ALIA NADIRAH
BINTI AHMAD SUHAIMI**
S45 BANDAR BARU KLANG



**NOOR ZAZILAH
BINTI ISMAIL**
S46 PELABUHAN KLANG



**NUR KHALIDA
BINTI MOHD KHALID KHAN**
S47 PANDAMARAN



MARILINE DCRUZ
S48 SENTOSA

SIWANIS

SIDANG WANITA SELANGOR 2025
Ke Arah Mencapai 50 Peratus Perwakilan Wanita
#SIWANIS50

PERWAKILAN SIDANG WANITA SELANGOR 2025



**WAN NUR HIDAYAH
BINTI WAN MARZUKI**
S49 SUNGAI KANDIS



**DR. YOGGESVARI
A/P THEVADAS**
S50 KOTA KEMUNING



**IR. WAN NORLIZA
BINTI WAN BIDIN**
S51 SIJANGKANG



**ISWARY
SELVANAYAGAM**
S52 BANTING



**NURAINI
BINTI ABDUL WAHID**
S53 MORIB



**SITI SOBIAH
BINTI MOHMAN ZOBINI**
S54 TANJONG SEPAT




**HASNINI
BINTI MOHD RUDI**
S55 DENGKIL



**RAHIMAH BIBI
BINTI NAOOR PITCHAI**
S56 SUNGAI PELEK

STATISTIK 56 PERWAKILAN SIWANIS 2025



KEMPEN PENGUNDIAN CALON

PERWAKILAN SIWANIS 2025

Susulan daripada Bengkel Siri 1 dan saringan yang telah dibuat, proses seterusnya bagi 56 Perwakilan SIWANIS 2025 adalah melaksanakan kempen media sosial dan pengundian calon.

Tujuan kempen dan undian ini adalah untuk melantik 12 Badan Eksekutif Kerajaan dan Ketua Pembangkang bagi SIWANIS 2025.

Peserta juga ditugaskan menengahkan manifesto yang ingin dibawa ke dalam Sidang Wanita Negeri Selangor melalui kempen di media sosial. Penilaian bagi pelantikan 12 Badan Eksekutif dan Ketua Pembangkang ialah 60 % markah penilaian dari Bengkel Siri 1, 30 % dari kempen media sosial dan 30 % melalui pengundian secara demokrasi dalam kalangan 56 perwakilan SIWANIS 2025.

SIWANIS

SIDANG WANITA SELANGOR 2025

Ke Arah Mencapai 50 Peratus Perwakilan Wanita
#SIWANIS50

SIWANIS
SIDANG WANITA SELANGOR 2025
Ke Arah Mencapai 50 Peratus Perwakilan Wanita
#SIWANIS50

**BARISAN EKSEKUTIF
SIDANG WANITA
SELANGOR 2025**



NURUL FAEZAH BINTI JASNI
MENTERI BESAR
S16 SUNGAI TUA



**PAVITHRA DEWI
KRISHNA RAO**
EXCO PELABURAN,
PERDAGANGAN & MOBILITI
S30 KINRARA



**DR. PUVANESWARI
RAMACHANDRAN**
EXCO INFRASTRUKTUR
& PERTANIAN
S21 PANDAN INDAH



**SITI SOBIAH
MOHMAN ZOBINI**
EXCO PERUMAHAN
& KEBUDAYAAN
S54 TANJONG SEPAT



TOO CHUN YOKE
EXCO KERAJAAN TEMPATAN
& PELANCONGAN
S04 SEKINCHAN



KHAIRUNNISA BINTI HALIM
EXCO KEMAJUAN DESA,
PERPADUAN & PENGGUNA
S01 SUNGAI AIR TAWAR



NUR AASIMA BINTI AHMAD
EXCO BELIA, SUKAN
& KEUSAHAWANAN
S40 KOTA ANGGERIK



NORFAZIDAH BINTI ABD SAMAD
EXCO KESIHATAN AWAM
& ALAM SEKITAR
S36 BANDAR UTAMA



ISWARY SELVANAYAGAM
EXCO SUMBER MANUSIA
& PEMBASMIAN KEMISKINAN
S52 : BANTING



**NURUL AIN
BINTI ABDUL HALIM**
EXCO AGAMA ISLAM
& PEMBUDAYAAN INOVASI
S32 SERI SETIA



**SITI ZAYANAH
BINTI MOHAMMAD YAZED**
EXCO PEMBANGUNAN WANITA
& KEBAJIKAN MASYARAKAT
S15 TAMAN TEMPLER



**ZULIKHA
BINTI ABDUL TALIB**
KETUA PEMBANGKANG
S18 HULU KELANG

A woman wearing a pink hijab and glasses is speaking into a microphone. She is smiling and looking towards the camera. In the background, other people are partially visible, some wearing white shirts and one with a 'PESERTA' (Participant) badge. The image has a semi-transparent overlay with a yellow and maroon geometric design on the left side.

SESI MENTOR MENTEE

Mentor SIWANIS terdiri daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Penyelaras Negeri Selangor serta wakil daripada kalangan Pegawai Khas, Pengurus Pusat Khidmat Komuniti atau Ahli Majlis.

Seramai 56 perwakilan SIWANIS yang terpilih akan menjalani sesi turun padang selama satu hari bersama mentor masing-masing bagi mendapatkan input berkaitan isu-isu yang berlaku di kawasan DUN berdasarkan sembilan (9) fokus isu yang telah ditetapkan.

Tempoh pelaksanaan sesi turun padang ini adalah antara 7 Julai 2025 sehingga 25 Julai 2025. Segala dapatan dan maklumat yang diperoleh akan dibawa ke Kemuncak Sidang Wanita Negeri Selangor 2025 yang dijadualkan berlangsung pada 12 Ogos 2025.

SIWANIS



SIWANIS



SIWANIS

SIWANIS



SIWANIS



SIWANIS



SIWANIS

SIWANIS

SIWANIS

mentormentee

SESI DI ANTARA PERWAKILAN SIDANG WANITA SELANGOR (SIWANIS)
DAN WAKIL DARI SETIAP DUN
(ADUN/PENYELARAS/PEGAWAI KHAS/AHLI MAJLIS/PENYELIA DUN)

BENGKEL SIRI 2

Bengkel SIWANIS Siri 2 menandakan satu peralihan penting dalam lengkung pembelajaran peserta, daripada pemahaman teori umum kepada penguasaan kemahiran teknikal dan komunikasi strategik.

Siri ini berfungsi sebagai sebuah “**sekolah persediaan**” yang memfokuskan latihan praktikal dan simulasi bagi membekalkan peserta dengan pengetahuan tentang “**peraturan permainan**” di dalam dewan serta keupayaan membina naratif yang berkesan di luar dewan.

Melalui sesi interaktif bersama mentor dan fasilitator berpengalaman, peserta didedahkan kepada tatacara sidang, teknik berhujah, penyusunan usul serta strategi penyampaian yang meyakinkan. Pada masa yang sama, mereka turut diasah dalam aspek kerjasama pasukan, kepimpinan dan komunikasi berimpak, menjadikan siri ini sebagai medan latihan penting sebelum ke Kemuncak Sidang Wanita Selangor 2025.



SESI PENCERAMAH

BENGGEL SIRI 2

SESI 1 - PROSEDUR & PROTOKOL DEWAN NEGERI

Tuan Ahmad Fuad Hilmi bin Muhamad
(Penolong Setiausaha (Dewan), Pejabat Dewan Negeri Selangor)


SESI 2 - UNDANG-UNDANG TUBUH NEGERI DAN PERATURAN TETAP DEWAN NEGERI

Puan Siti Khadijah & Puan Sarmila
Pejabat Speaker

SESI 3 - MEDIA, KOMUNIKASI, KEMPEN

MOHAMMAD FAKHRURRAZI BIN MOHD RASHID
Pejabat Speaker





Sesi debat bagi pemilihan perwakilan Sidang Wanita Selangor (SIWANIS) 2025 dianjurkan sebagai medium saringan yang bertujuan mengenal pasti calon perwakilan yang memiliki keupayaan tinggi dalam pengucapan awam, pemikiran kritikal, dan kefahaman terhadap isu-isu dasar semasa. Melalui format debat, peserta diberi peluang untuk menzahirkan pendapat, menyampaikan hujah secara tersusun, serta menunjukkan kebolehan mereka dalam menangani perbezaan pandangan secara rasional dan berhemah.

Pendekatan ini juga selaras dengan objektif utama SIWANIS, iaitu melatih dan membangunkan barisan pemimpin wanita muda yang mampu berperanan secara aktif dalam proses pembuatan dasar dan tadbir urus di peringkat negeri mahupun nasional.

Selain itu, sesi debat ini memberi penekanan kepada sembilan fokus isu terpilih yang mencerminkan cabaran sebenar masyarakat, sekaligus membolehkan peserta menampilkan kesedaran sosial, keberanian bersuara, serta komitmen terhadap pembangunan komuniti. Hasil daripada sesi ini, seramai 56 perwakilan terbaik telah dipilih untuk mewakili suara wanita Selangor dalam simulasi Sidang Dewan Negeri.

SESI DEBAT

BENGGKEL

SESI 1:

- **DASAR 30% KERUSI WANITA DALAM PERLEMBAGAAN PARTI POLITIK**

Oleh: Dato' Ong Bee Leng
Ketua Pegawai Eksekutif, Penang Women's Development Corporation (PWDC)

SESI 2:

- **CABARAN SOKONGAN KEWANGAN DALAM DUNIA POLITIK**

Oleh: Tuan Gopalan-K Papachan
Pengarah Eksekutif, Persatuan Kesedaran Komuniti Selangor (EMPOWER)

SESI 3:


- **PRAKTIKAL PERATURAN TETAP &**
- **KEMAHIRAN PERTANYAAN JAWAB LISAN & BERTULIS**
- **TAKLIMAT PENGGULUNGAN KEPADA EXCO**

Oleh: Tuan Idzuafi Hadi Kamilam
Pengarah Eksekutif, Institut Reformasi Politik dan Demokrasi (REFORM)

SESI 4:

- **KEMAHIRAN PERBAHASAN DAN PERBINCANGAN USUL**

Oleh: Puan Quratulain Atiqah Norzahrul Anuar
Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Pelaling Jaya



SIRI 3

Bengkel siri 3 diteruskan dengan rangkaian sesi pembelajaran yang padat dan menyeluruh, menumpukan kepada aspek pembangunan kepimpinan wanita serta kefahaman terhadap dinamika politik dan tadbir urus. Sepanjang hari, peserta mengikuti pelbagai slot yang memperkukuh pengetahuan tentang dasar 30% kerusi wanita dalam perlembagaan parti politik, di samping memahami cabaran sokongan kewangan yang dihadapi dalam dunia politik semasa.


Sesi seterusnya memberi tumpuan kepada latihan praktikal berkaitan peraturan tetap serta kemahiran menjawab pertanyaan secara lisan dan bertulis. Melalui pendekatan interaktif dan simulasi sebenar, peserta berpeluang mempraktikkan kemahiran berkomunikasi secara berkesan, berfikir secara analitik serta bertindak balas dengan rasional terhadap situasi perbahasan dan pentadbiran.

Pengisian diteruskan dengan latihan kemahiran perbahasan dan perbincangan usul yang membolehkan peserta mengasah kemampuan berhujah secara tersusun dan beretika, selain menonjolkan daya kepimpinan dalam mengendalikan isu-isu dasar. Sesi taklimat penggulungan kepada EXCO pula memberi pendedahan langsung terhadap proses sebenar yang berlaku dalam struktur organisasi dan persidangan rasmi.

Secara keseluruhannya, bengkel ini bukan sahaja memperkukuh kefahaman peserta terhadap sistem dan tatacara pentadbiran, tetapi turut membina keyakinan diri, kemahiran komunikasi strategik serta keupayaan membuat keputusan secara berhemah. Program ini menjadi medan pembelajaran yang signifikan dalam membentuk barisan pemimpin wanita yang berilmu, kritikal dan berdaya saing di peringkat negeri mahupun nasional..

GUEST LECTURE

BERSAMA YB PUAN ANFAAL



Sebagai salah satu modul penting dalam pelaksanaan SIWANIS, sesi Guest Lecture secara talian bersama YB Anfaal Saari, EXCO Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Selangor telah dilaksanakan untuk meluaskan akses peserta kepada perspektif pemimpin negeri tanpa batasan lokasi fizikal. Inisiatif ini bertujuan memperkayakan pemahaman peserta terhadap realiti tadbir urus, dasar gender, serta pendekatan inklusif dalam memperkasakan peranan wanita dalam kepimpinan dan kebajikan masyarakat. Format atas talian memberikan peluang interaksi dua hala yang lebih fleksibel, di mana para peserta dapat mengemukakan soalan dan terlibat dalam dialog langsung dengan pemimpin negeri. Selain itu, ia juga seiring dengan visi #SIWANIS50 dalam mempertingkatkan representasi wanita kepada 50% dalam pembuatan dasar di Dewan Negeri Selangor, sekaligus membuka ruang komunikasi dan pendedahan kepada isu-isu kritikal yang dibicarakan secara realistik.

SIWANIS



Kemuncak

SIDANG WANITA SELANGOR 2025

02 OGOS 2025

Seramai 56 perwakilan wanita, yang mewakili 56 Dewan Undangan Negeri (DUN) di Selangor, telah terlibat dalam pelaksanaan Kemuncak Sidang Wanita Selangor (SIWANIS) sebagai simbolik kepada keanggotaan penuh Sidang Dewan Negeri Selangor sebenar.

SIWANIS

SIDANG WANITA SELANGOR 2025

Ke Arah Mencapai 50 Peratus Perwakilan Wanita
#SIWANIS50



Dua usul dibentangkan dalam
Kemuncak Sidang Wanita Selangor (SIWANIS) 2025,
bagi membincangkan isu pemerkasaan ekonomi
serta kesejahteraan wanita Selangor.

PERWAKILAN TERBAIK



ANUGERAH PERWAKILAN KERAJAAN TERBAIK

TUN 'ALIA NADIRAH BINTI AHMAD SUHAIMI



ANUGERAH PERWAKILAN PEMBANGKANG TERBAIK

AAINAA MARDHIAH BINTI ABDUL RASHID

SIWANIS

SIDANG WANITA SELANGOR

Ke Arah Mencapai 50 Peratus Perwakilan
Wanita
#SIWANIS50



Perwakilan Terbaik
KESELURUHAN

ZULIKHA BINTI ABDUL TALIB



JAWATANKUASA SIWANIS

PENASIHAT

- PUAN SITI FARIDAH BINTI ABDUL SAMAD
Ketua Pegawai Eksekutif Wanita Berdaya Selangor

PENGARAH PROGRAM

- PUAN NOR YASMIN BINTI SALIM
Penolong Pengurus Unit Pembangunan Kapasiti dan Latihan

LAPORAN PROGRAM

- PUAN NURHIDAYAH BINTI ABDULLAH
- CIK NORSHA SHAFINAZ BINTI AMAD DALI

SEKRETARIAT WBS

- PUAN NURZAIYANIE BINTI AHMAD ZAINI
- PUAN NOOR SALBIAH BINTI PUTEH
- PUAN NURUL IMMA BINTI MANSOR
- PUAN SITI MARIAM BINTI AMRAN
- CIK AMALIA HUDA BINTI AHMAD SHUKRI
- CIK NUR HASYIKIN BINTI RAMLY
- CIK ASYRANI BINTI AMIR
- ENCIK AKMAL AZAHAR
- TENGKU MUHAMMAD AFIF TENGKU AZMI



SIWANIS

SIDANG WANITA SELANGOR 2025

Ke Arah Mencapai 50 Peratus Perwakilan Wanita
#SIWANIS50

